

Bahagian A: Jawab semua soalan

1. (a) Huraikan yang berikut:

- (i) Akta
- (ii) Enakmen
- (iii) Ordinan

[3]

(b) Terangkan maksud *perundingan kolektif* dan *perjanjian kolektif* mengikut Akta Perhubungan Industri 1967 (Pindaan 1980).

[2]

(c) Huraikan **tiga** pendekatan dalam mengkaji teori dan model keusahawanan.

[3]

(d) Huraikan perbezaan antara persatuan dengan syarikat dari segi penubuhan dan pengagihan keuntungan.

[2]

(e) Terangkan **tiga** kebaikan yang akan diperoleh usahawan jika menjalankan perniagaan eksport.

[3]

(f) Sebutkan **empat** kaedah lokalisasi yang boleh dilaksanakan oleh sesebuah syarikat multinasional.

[2]

(g) Huraikan tanggungjawab sosial peniaga terhadap masyarakat daripada aspek ekonomi.

[2]

(h) Berikan **tiga** amalan perniagaan yang tidak beretika.

[3]

(i) Nyatakan **dua** kemungkinan bahasa badan yang dihasilkan oleh penonton pertandingan hoki berserta maksud yang digambarkan oleh bahasa badan tersebut.

[2]

(j) Senaraikan **enam** jenis media persendirian yang digunakan bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi di dalam sesebuah organisasi.

[3]

2 (a) Jelaskan **empat** sumber idea yang boleh mencetuskan pembentukan perniagaan baru. [8]

(b) Encik Nuri berhasrat untuk membuka sebuah perniagaan. Beliau menggunakan modal simpanan peribadi untuk menjalankan perniagaan. Beliau telah merangka satu rancangan perniagaan untuk memulakan perniagaannya.

(i) Apakah cara Encik Nuri memperoleh sumber pembiayaan modal secara formal, cadangkan contohnya?

[2]

(ii) Huraikan **empat** tujuan Encik Nuri menyediakan rancangan perniagaan.

[8]

(iii) Jelaskan **empat** pihak yang memerlukan rancangan perniagaan selain daripada Encik Nuri.

[7]

Bahagian B: Jawab DUA soalan sahaja

- 3.(a) Terangkan perbezaan di antara audit dalaman dengan audit luaran dari aspek staf dan tujuan. [4]
- (b) Terangkan **empat** prinsip audit yang perlu dipatuhi oleh seseorang juruaudit. [8]
- (c) Jelaskan **empat** jenis pelaporan pengurusan yang lazim diamalkan oleh pengurusan sesebuah organisasi perniagaan. [8]
- (d) Nyatakan **lima** perbuatan peniaga yang melanggar Seksyen 41 Akta Hak Cipta 1987. [5]
- 4.(a) Huraikan tahap-tahap proses merealisasikan idea yang dilaksanakan oleh usahawan. [9]
- (b) Encik Kamal bercita-cita untuk menjadi usahawan yang berjaya seperti ayahnya. Beliau tidak mempunyai masalah kewangan untuk menceburi bidang perniagaan tetapi beliau memerlukan kemudahan dan bantuan yang lain.
- (i) Jelaskan **empat** kemudahan dan bantuan lain yang beliau perlukan bagi menjamin kejayaan perniagaannya dan contoh agensi yang terlibat. [12]
- (ii) Encik Kamal mendapat tawaran usahasama dari sebuah firma di luar Negara. Berikan aspek-aspek yang perlu diberikan penekanan dalam membentuk usahasama. [4]
- 5 (a) Bincangkan perbezaan antara Koperasi Maju Berhad dengan Syarikat Maju Berhad. [10]
- (b) Terangkan langkah-langkah yang perlu diambil dalam proses penubuhan organisasi bukan bermotifkan keuntungan. [9]
- (c) Huraikan **tiga** bentuk koperasi yang terdapat di Malaysia. [6]
- 6 (a) Jelaskan **lima** cara sesebuah perniagaan boleh melibatkan diri dalam perniagaan antarabangsa. [10]
- (b) Huraikan dokumen perniagaan berikut yang boleh digunakan dalam perniagaan antarabangsa.
- (i) Surat kredit
- (ii) Surat pengesahan penghantaran laut (bil muatan)
- (iii) Tuntutan ikut perintah [9]
- (c) Terangkan **tiga** sebab syarikat multinasional menjalankan operasi perniagaan di luar negara. [6]

7. (a) Jelaskan *empat* sebab firma enggan melaksanakan tanggungjawab sosial. [8]
- (b) Jelaskan tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan oleh pengusaha salun kecantikan terhadap *empat* pihak berikut:
- (i) Pemegang saham
 - (ii) Masyarakat
 - (iii) Pelanggan
 - (iv) Pembekal
- [8]
- (c) Huraikan peranan badan-badan berikut:
- (i) Persatuan Pengguna
 - (ii) Better Business Bureau (BBB)
 - (iii))Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
- [9]
8. (a) Seorang pengurus pemasaran kereta mengadakan mesyuarat dengan stafnya bagi membincangkan pemasaran produk baharu syarikat mereka. Jelaskan proses komunikasi yang berlaku. [11]
- (b) Berdasarkan kenyataan tersebut, jelaskan *lima* prinsip yang mencirikan komunikasi berkesan. [5]
- (c) Encik Hameed perlu berunding dengan pegawai Bank Pembangunan Malaysia Berhad untuk membincangkan bantuan kewangan yang dipohonnya. Jelaskan prinsip-prinsip yang perlu diketahui oleh Encik Hameed sebagai persediaan perjumpaan tersebut. [9]